JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK. IP.(UU):130 JLD 4(53)

Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN BENTUK PENYATA KEWANGAN KOPERASI

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini ialah untuk menetapkan bentuk penyata kewangan yang perlu dikemukakan oleh koperasi berdaftar selaras dengan kehendak peraturan 29(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mengikut peraturan 29(4) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, penyata kewangan adalah termasuk Akaun Perdagangan, Akaun Untung Rugi, Akaun Pembahagian, Kunci Kira-Kira dan Penyata Sumber dan Penggunaan Wang koperasi berdaftar itu.

2.2 Pada masa ini, terdapat ketidakseragaman dalam bentuk penyata kewangan yang dikemukakan oleh koperasi-koperasi berdaftar dan ini telah menyulitkan kerja pengumpulan data kewangan koperasi bagi tujuan kemasukan data ke dalam Modul Kewangan Koperasi yang dibangunkan dalam Sistem INFOKOP Jabatan Pembangunan Koperasi untuk memantau dan mengukur prestasi koperasi.

3. BENTUK PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

Perincian bentuk penyata kewangan adalah seperti berikut:

3.1 KUNCI KIRA-KIRA

(i) Antara butiran-butiran yang perlu ditunjukkan pada muka Kunci Kira-Kira (mana yang berkaitan) adalah seperti di Lampiran 1

(ii) Nota-nota kepada akaun juga perlu diadakan bagi menjelaskan butiran-butiran dalam Kunci Kira-Kira. Antara butiran-butiran yang dimaksudkan ialah:

(a) **Aset Tetap**

Dalam dasar perakaunan (Nota 1), koperasi perlu menyatakan kaedah pengiraan susut nilai yang digunakan dan kadar susut nilai bagi setiap jenis aset. Bagi aset tanah, koperasi perlu mengasingkan milik bebas dengan pajakan.

Persembahan akaun ini hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

	Jenis Aset		**Jumlah**
Kos/Nilai	**RM**	**RM**	**RM**
Baki Pada Awal Tahun			
Tambahan Dalam Tahun			
Kurangan Dalam Tahun			
Baki Pada Akhir Tahun			
Susut Nilai Terkumpul			
Baki Pada Awal Tahun			
Tambahan Dalam Tahun			
Kurangan Dalam Tahun			
Baki Pada Akhir Tahun			
Nilai Buku Bersih Pada Akhir Tahun			

(b) Pelaburan Hartanah Dan Pelaburan Lain

Perincian perlu dibuat bagi menjelaskan pelaburan-pelaburan yang terlibat.

(c) Kepentingan Dalam Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu

i. Subsidiari sesuatu koperasi berdaftar ialah sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh koperasi berdaftar itu, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh koperasi berdaftar itu, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu.

ii. Syarikat bersekutu ialah syarikat yang sekurang-kurangnya 20% hingga 50% daripada sahamnya dipunyai oleh koperasi dan koperasi boleh mempengaruhi keputusan-keputusan syarikat.

iii. Perlu dinyatakan nama syarikat, aktiviti, amaun pelaburan dan peratus pegangan ekuiti dalam subsidiari dan syarikat bersekutu termasuk persediaan rosot nilai dan kelulusan pelaburan daripada Ketua Pendaftar selaras dengan kehendak Seksyen 54(2) Akta Koperasi 1993, jika ada.

iv. Jumlah hutang subsidiari dan syarikat bersekutu kepada induk juga ditunjukkan di bawah tajuk ini. Nyatakan jika ada kelulusan daripada Ketua Pendaftar berkaitan pinjaman kepada subsidiari selaras dengan kehendak Seksyen 51(1)(bb) Akta Koperasi 1993.

v. Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada harga kos atau amaun yang dinilai semula selaras dengan kehendak Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia FRS 127 dan 128 (sebelum ini dikenali sebagai MASB 11 dan 12). Persediaan rosot nilai perlu dibuat jika didapati berlakunya penurunan dalam nilai pelaburan yang bersifat kekal.

(d) Pelaburan Dalam Syer Siar Harga Dan Tak Siar Harga

(i) Maklumat yang perlu dimuatkan dalam Nota Kepada Akaun adalah seperti di bawah:

Nama Syarikat	**Bil. Unit**	**Kos Seunit**	**Jumlah Kos**	**Harga Pasaran/Pengurus (Bagi Syer Siar Harga dan Tabung Amanah)**

(ii) Bagi pelaburan syer siar harga termasuk tabung amanah yang mengalami kejatuhan dalam harga pasaran/pengurus yang ketara dan berkekalan, persediaan rosot nilai yang secukupnya perlu dibuat bagi menggambarkan nilai aset yang benar dan saksama.

(iii) Jumlah persediaan rosot nilai pelaburan hendaklah ditunjukkan dalam nota dan ditolak daripada jumlah kos.

(iv) Nyatakan kelulusan daripada Ketua Pendaftar bagi pelaburan syer tak siar harga selaras dengan kehendak Seksyen 54(2) Akta Koperasi 1993.

(e) Projek Dalam Pelaksanaan

(f) Nyatakan jenis projek yang dijalankan dan belanja-belanja yang terlibat.

i. Amaun bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan di bawah Aset Semasa.

ii. Pergerakan dalam akaun juga perlu ditunjukkan bagi setiap jenis pinjaman termasuk persediaan hutang ragu/lapuk.

iii. Pinjaman yang tidak berbayar melebihi tempoh 6 bulan ke atas perlu dibuat persediaan hutang ragu/lapuk sebanyak 50% kecuali yang bercagar atau dijamin.

(g) Aset Separa Tetap Yang Lain

Senaraikan butiran yang terkandung di bawah perkara ini.

(h) Aset Geran/Subsidi

i. Punca geran/subsidi yang diperoleh serta tujuan pemberian hendaklah dinyatakan dalam Nota Kepada Akaun.

ii. Pergerakan akaun juga perlu ditunjukkan sekiranya terdapat pelarasan.

(i) Stok

Senaraikan stok mengikut jenis dengan amaunnya. Contohnya stok perniagaan, alatulis dan lain-lain lagi.

(j) Penghutang Perdagangan

Pergerakan dalam akaun perlu ditunjukkan bersekali dengan persediaan hutang ragu/lapuk. Jika perlu, senaraikan nama-nama penghutang dan amaunnya.

(k) Pelbagai Penghutang

Perlu disenaraikan butiran pelbagai penghutang dan amaunnya.

(l) Deposit Tetap Dan Wang Di Bank

i. Senaraikan bank-bank yang terlibat dengan jenis pelaburan dan amaunnya.

ii. Deposit tetap yang tercagar hendaklah ditunjukkan di bawah Aset Separa Tetap dan dinyatakan dalam Nota Kepada Akaun tujuan ia dicagarkan.

(m) Pemiutang Perdagangan

i. Amaun pinjaman yang perlu dijelaskan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan di bawah Liabiliti Semasa.

ii. Maklumat berkaitan pinjaman iaitu nama institusi kewangan termasuk Tabung Modal Pusingan JPK, jumlah pinjaman, kadar faedah, tempoh bayaran balik dan tujuan pinjaman perlu dinyatakan.

iii. Pergerakan dalam akaun termasuk faedah pinjaman/caj pembiayaan yang dikenakan dalam tahun semasa juga perlu ditunjukkan bagi setiap jenis pinjaman.

iv. Bagi persembahan akaun pinjaman yang menunjukkan faedah keseluruhan, faedah yang belum lunas perlu ditolak daripada jumlah pinjaman.

(p) Fee Audit Ketua Pendaftar, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi Dan Dividen

Nota hendaklah disediakan bagi menunjukkan pergerakan akaun (termasuk pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan) untuk setiap satu perkara.

(q) Amaun Terhutang Kepada Syarikat Berkaitan

Senaraikan amaun yang terhutang kepada setiap syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh koperasi.

(r) Overdraf Bank

Nyatakan nama institusi kewangan, had overdraf bank yang diperoleh, kadar faedah yang dikenakan serta aset yang dicagarkan.

(s) Pelbagai Pemiutang

Perlu disenaraikan butiran pelbagai pemiutang dan amaunnya.

(t) Modal Syer Anggota Dan Modal Yuran Anggota
(Termasuk Syer Bonus)

i. Maklumat berkaitan bilangan anggota dan pergerakan dalam akaun perlu ditunjukkan seperti di bawah:

ii. Maklumat syer bonus perlu diasingkan selaras dengan kehendak Seksyen 55(6) Akta Koperasi 1993.

	Bilangan Anggota	**Modal Syer/ Modal Yuran RM**	**Syer Bonus RM**
Baki Pada Awal Tahun			
Tambahan Dalam Tahun			
Dividen Dikreditkan			
Tolak – Kurangan Dalam Tahun			
Baki Pada Akhir Tahun			

(u) Akaun Rizab Modal

Perlu diasingkan keuntungan modal yang diperoleh daripada penjualan tanah/bangunan sebagai Aset Tetap dan penilaian semula tanah/bangunan sebagai Aset Tetap kerana kaedah pengeluaran syer bonusnya adalah berbeza.

(v) Kumpulan Wang Menebus Syer Dan Syer Bonus

Nota Kepada Akaun hendaklah disediakan sekiranya terdapat pergerakan dalam kumpulan wang ini.

(w) Kumpulan Wang/Tabung (Anggota)

Kumpulan Wang/Tabung yang diwujudkan khusus untuk memberi manfaat kepada anggota-anggota koperasi (contohnya Kumpulan Wang Kebajikan, Kumpulan Wang Pendidikan, Kumpulan Wang Khairat Kematian) ditunjukkan sebagai sebahagian daripada Kumpulan Wang Anggota.

(x) Kumpulan Wang Rizab

i. Pergerakan akaun perlu ditunjukkan dalam Nota Kepada Akaun sekiranya terdapat pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan.

ii. Bagi Kumpulan Wang Rizab yang diwakili oleh aset, ia hendaklah juga ditunjukkan di bawah tajuk Aset Kumpulan Wang Rizab di bahagian Aset Separa Tetap.

(y) Kumpulan Wang/Tabung (Bukan Anggota)

Bagi Kumpulan Wang/Tabung yang diwujudkan khusus untuk memberi faedah kepada pekerja-pekerja atau pihak-pihak lain selain daripada anggota (contohnya Kumpulan Wang Faedah Persaraan Pekerja, Kumpulan Wang Rizab Bangunan dan Kumpulan Wang Derma), ia hendaklah ditunjukkan antara Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Semasa.

(z) Liabiliti Lain

Senaraikan butiran liabiliti lain dan amaunnya.

3.2 Perkara-perkara lain yang perlu dimasukkan dalam Nota Kepada Akaun selain daripada butiran dalam Kunci Kira-Kira ialah:

i. Dalam Nota 1 Kepada Akaun, koperasi perlu menyatakan dasar-dasar perakaunan dan asas-asas pengukuran yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan.

ii. Dalam Nota 2 Kepada Akaun, perlu dimasukkan maklumat berkaitan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh koperasi.

iii. Pendedahan tentang liabiliti luar jangka, komitmen, kejadian selepas tarikh Kunci Kira-Kira yang boleh memberi kesan kepada akaun berikutnya.

iv. Keputusan edaran surat-surat pengesahan ke atas baki-baki akaun.

v. Bilangan pekerja koperasi.

vi. Maklumat bandingan berhubung tempoh terdahulu bagi semua maklumat berangka perlu ditunjukkan.

4. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

4.1 Mengikut Seksyen 57(5) Akta Koperasi 1993, koperasi boleh menggunakan baki untung bersihnya (selepas menghapus kira sepenuhnya kerugian terkumpul, jika ada, serta bayaran-bayaran Kumpulan Wang Rizab, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) bagi maksud-maksud berikut:

i. pembayaran potongan langganan dan pulangan atas deposit;
ii. pembayaran dividen;
iii. pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga koperasi; dan
iv. pembayaran tidak lebih 10% daripada untung bersih teraudit bagi maksud khairat atau maksud lain.

4.2 Oleh itu, koperasi perlu menunjukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan, butiran-butiran cadangan pembahagian dalam akaun tahun semasa bagi membolehkan pembentangan dibuat dalam mesyuarat agung tahunan untuk mendapatkan kelulusan selaras dengan kehendak peraturan 12(ja) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995.

4.3 Antara butiran-butiran yang lazim ditunjukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan adalah seperti di Lampiran 2.

5. Pelarasan Operasi Dan Bukan Operasi

5.1 Dari segi persembahan akaun, pelarasan operasi hendaklah ditunjukkan sebelum pembahagian berkanun kerana ia melibatkan akaun-akaun hasil yang ada kaitan dengan Akaun Perdagangan atau Akaun Untung Rugi. Contohnya: belian terlebih diambilkira, perbelanjaan tidak diambilkira dan sebagainya.

5.2 Bagi pelarasan bukan operasi, kedudukannya adalah selepas pembahagian lain kerana ia terdiri daripada akaun-akaun bukan hasil yang tiada kaitan dengan Akaun Perdagangan atau Akaun Untung Rugi. Contohnya: honorarium terlebih diperuntukkan, Kumpulan Wang Rizab terkurang diperuntukkan.

5.3 Pelarasan tahun lepas sama ada berkaitan dengan operasi atau bukan operasi hendaklah ditunjukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan supaya segala pelarasan yang melibatkan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dapat ditentukan dengan jelas. Ini dapat mengelakkan daripada berlakunya perbezaan baki antara rekod koperasi dengan JPK bagi kedua-dua kumpulan wang amanah tersebut.

Cara Pengiraan Pembahagian Berkanun

6. Koperasi Sekolah

Melalui Perintah pengecualian daripada Menteri, koperasi sekolah hanya perlu membuat pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab sebanyak 15% daripada untung bersih semasa (selepas pelarasan operasi) selaras dengan kehendak Seksyen 57(1) Akta Koperasi 1993. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah **dikecualikan**.

7. Koperasi Dewasa

7.1 Bagi Koperasi yang untung bersihnya kurang daripada RM2,000 selepas pelarasan operasi

Adalah **dikecualikan** daripada membayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (rujuk perintah pengecualian yang diwartakan melalui P.U.(A) 260 bertarikh 24.6.1999 dan P.U.(A) 623 bertarikh 26.12.1996). Agihan hanya perlu dibuat kepada Kumpulan Wang Rizab sebanyak 15% daripada untung bersih semasa (selepas pelarasan operasi).

7.2 Bagi koperasi yang mempunyai untung bersih melebihi RM2,000 selepas pelarasan operasi dan kerugian terkumpul pada awal tahun

Penentuan hendaklah dibuat bagi memastikan sama ada untung bersih semasa dapat menghapus kira sepenuhnya kerugian terkumpul.

Sekiranya **kerugian terkumpul masih wujud**, maka sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi tidak perlu dibuat sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 57(7) Akta. Hanya pindahan sebanyak 15% daripada untung bersih semasa (selepas pelarasan operasi) perlu dibuat kepada Kumpulan Wang Rizab.

Sebaliknya jika **kerugian terkumpul dapat dihapus kira sepenuhnya**, pengiraan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%) adalah berdasarkan baki untung bersih semasa selepas ditolak kerugian terkumpul selaras dengan peruntukan Seksyen 57(7) Akta.

Manakala pengiraan pindahan ke Kumpulan Wang Rizab adalah seperti berikut:

15% Daripada Untung Bersih Selepas Pelarasan Operasi		xxxx
Tolak :		
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(2%)	x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(1%)	x
Amaun Yang Perlu Dipindahkan Ke Kumpulan Wang Rizab		Xx

7.3 Bagi koperasi yang mempunyai untung bersih selepas pelarasan operasi dan tiada kerugian terkumpul pada awal tahun

Pengiraan untuk Kumpulan Wang Rizab, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah mengikut kehendak Seksyen 57(4) Akta Koperasi 1993 seperti berikut:

Kumpulan Wang Rizab	12% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	2% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	1% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi

7.4 Koperasi yang mengalami kerugian bersih semasa selepas pelarasan

operasi

Agihan kepada pembahagian berkanun adalah tidak diperlukan.

8. Pembahagian Lain

8.1 Pembahagian keuntungan hanya dibenarkan jika koperasi memperoleh keuntungan bersih semasa (selepas pelarasan operasi) dan tiada kerugian terkumpul sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 57(6) dan (7) Akta Koperasi 1993. Butiran agihan keuntungan adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 57(5) Akta dan Undang-undang Kecil Koperasi itu sendiri.

8.2 Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian dalam Seksyen 57(8) Akta di mana koperasi boleh menggunakan untung bersih semasa untuk membayar dividen tidak lebih daripada 5% atas jumlah syer atau yuran anggota atau kedua-duanya dengan kelulusan Ketua Pendaftar walaupun mengalami kerugian terkumpul.

9. Dividen

Mengikut peraturan 24 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran oleh koperasi hendaklah tidak melebihi 10% setahun kecuali dengan kelulusan Ketua Pendaftar.

10. Honorarium Lembaga

Amaun pembayaran honorarium kepada Anggota Lembaga Koperasi adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pendaftar mengikut kehendak Seksyen 57(5)(c) Akta Koperasi 1993.

11. Peruntukan Cukai

11.1 Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Jadual 6 para 12 mulai tahun taksiran 1997, pengecualian cukai adalah diberikan ke atas pendapatan koperasi sekiranya diperoleh dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftaran koperasi dan di mana Kumpulan Wang Anggota koperasi pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran kurang daripada RM750,000.

11.2 Dalam pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai, koperasi diberi potongan di bawah Seksyen 65A(a) dan (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana koperasi boleh menolak daripada jumlah pendapatan untuk tahun tersebut seperti berikut:

i. amaun yang dipindah atau dibayar kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun atau institusi pelajaran atau pertubuhan koperasi atau kedua-duanya dengan syarat amaun maksimum yang ditolak tidak melebihi ¼ daripada untung bersih teraudit; dan

ii. suatu jumlah bersamaan 8% daripada Kumpulan Wang Anggota (termasuk Kumpulan Wang Rizab Berkanun) pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran.

12. AKAUN UNTUNG RUGI

12.1 Maklumat yang perlu ditunjukkan pada Akaun Untung Rugi adalah seperti di Lampiran 3.

12.2 Dalam Akaun Untung Rugi Induk, koperasi hanya perlu menunjukkan jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan aktiviti mengikut jenisnya. Pecahan aktiviti adalah seperti di **Lampiran 3.**

12.3 Keterangan lanjut berkaitan jenis aktiviti adalah seperti berikut:

i.	Kredit	-	Pinjaman/pembiayaan
ii.	Perindustrian	-	Koperasi industri kampung (KIK), industri kecil dan sederhana (IKS), pembalakan, perkilangan dan pembuatan
iii.	Pengangkutan	-	Angkut BTB, getah, minyak, bas, teksi, lori dan lain-lain
iv.	Pembangunan tanah	-	Membeli dan membangunkan tanah untuk dijual
v.	Perkhidmatan	-	Dobi, klinik, pajak gadai, pelancungan, tadika, restoran/kantin, insurans, pengurusan dan lain-lain
vi.	Perladangan	-	Mengusahakan tanah dengan hasil pertanian. Contoh: tanaman getah, kelapa sawit, pokok sentang dan lain-lain
vii.	Pelaburan	-	Dividen, jualan pelaburan, faedah simpanan, sewa bangunan dan lain-lain
viii.	Aktiviti Pengguna Lain	-	Jual/beli barangan selain daripada aktiviti kedai/pasaraya dan stesen minyak

12.4 **Nota Kepada Akaun atau Akaun perlu disediakan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi untuk menunjukkan perincian pendapatan dan perbelanjaan aktiviti.** Bagi aktiviti menjalankan perniagaan, Akaun Perdagangan perlu disediakan dengan menunjukkan butiran-butiran berikut:

Jualan	xxxx
Stok Awal	xx
Campur : Belian	xxx
Tolak : Stok Akhir	xx
Kos Jualan	xxx
Untung/(Rugi) Kasar	xx

12.5 Di bawah tajuk perbelanjaan dalam Akaun Untung Rugi, antara butiran-butiran penting yang perlu dimasukkan (di mana yang berkaitan) setelah mengambil kira peruntukan Seksyen 56 Akta Koperasi 1993 ialah:

i. Fee Audit Ketua Pendaftar;

ii. Perbelanjaan Lembaga;

iii. Kos Pembiayaan/Faedah Pinjaman;

iv. Peruntukan Hutang Lapuk/Ragu;

v. Susut nilai Aset; dan

vi. Rosot nilai Pelaburan

12.6 Bagi Pelbagai Pendapatan dan Pelbagai Perbelanjaan, koperasi boleh sama ada menyenaraikannya dalam Akaun Untung Rugi ataupun menunjukkannya secara berasingan dalam Nota kepada Akaun. Satu analisis belanja yang menggunakan klasifikasi berdasarkan kepada sifat belanja adalah digalakkan. Contohnya: gaji dan upah, belanja mesyuarat, keraian, belanja utiliti, alatulis dan sebagainya.

12.7 Nota kepada akaun perlu juga disediakan bagi perbelanjaan Anggota Lembaga Koperasi secara individu selaras dengan peraturan 29(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 bagi memperincikan butir-butir perbelanjaan Anggota Lembaga Koperasi seperti berikut:

Bil.	**Nama Anggota Lembaga**	**Elaun Tetap**	**Elaun Mesyuarat**	**Elaun Perjalanan**	**Elaun-Elaun Lain**	**Jumlah**
	Jumlah					

12.8 Bagi perkara luar biasa, maklumat tambahan perlu diberikan dalam bentuk Nota Kepada Akaun bagi menjelaskannya.

13. RUMUSAN

13.1 Format penyata kewangan yang ditunjukkan ini adalah merupakan keperluan minimum yang perlu diikuti oleh koperasi. Sekiranya terdapat butiran tambahan yang matan (selain daripada butiran yang ditunjukkan dalam format), koperasi hendaklah menunjukkannya secara berasingan dalam penyata kewangan. Butiran tidak matan perlu dikumpulkan dengan amaun bagi sifat yang serupa dan tidak perlu dibentangkan secara berasingan.

13.2 Bagi koperasi yang mempunyai subsidiari, **akaun subsidiari hendaklah disatukan dalam akaun kumpulan** bagi akaun untung rugi dan kunci kira-kira sebagaimana kehendak Seksyen 59(5) Akta Koperasi 1993 supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang prestasi dan kedudukan kewangan secara kumpulan. Penyediaan penyata kewangan yang disatukan adalah juga tertakluk kepada kehendak Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia FRS 127 (sebelum ini dikenali sebagai MASB 11).

13.3 Bagi penyediaan Penyata Sumber dan Penggunaan Wang, tiada bentuk format yang standard disediakan memandangkan kebanyakan koperasi telah menyediakan **Penyata Aliran Tunai selaras dengan kehendak FRS 107** (sebelum ini dikenali sebagai MASB 5).

13.4 Selaras dengan sistem INFOKOP, koperasi dikehendakki mempersembahkan akaun mengikut turutan kod akaun, namun penyata kewangan yang dikemukakan oleh koperasi untuk tujuan pemberian pandangan Ketua Pendaftar serta pembentangan dalam mesyuarat agung **tidak perlu menyatakan kod akaun** di dalamnya.

13.5 Diharap garis panduan ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas kepada koperasi mengenai bentuk dan aspek-aspek pendedahan (*disclosure*) penyata kewangan yang dikehendaki oleh Ketua Pendaftar selaras dengan peraturan 29(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 serta mengelakkan sebarang kekeliruan dalam pengiraan pembahagian berkanun.

14. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"

(DATO' ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia

Tarikh : 30 Julai 2005

s.k Timbalan Ketua Pengarah
(Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri